



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI LANSKAP KANAN (B.3)
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI LANSKAP KANAN
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Landscape Architecture* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

2. a) **Bagi yang tidak mempunyai ijazah** hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

ATAU

- b) **Bagi yang tidak mempunyai ijazah** hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.
3. Menjadi ahli penuh dalam salah satu badan atau institusi profesional yang berkaitan yang diiktiraf adalah keutamaan.
4. Mempunyai lesen memandu kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).
5. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh (03) tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyelaras dan mengurus pelaksanaan tugas-tugas yang berkaitan dengan perancangan dan perkembangan dan/atau pemeliharaan dan pengurusan kawasan Lanskap, Taman dan Rekreasi bagi perkara-perkara berikut:
 - a. Merancang, mereka bentuk dan melaksana projek, lanskap, taman dan rekreasi;
 - b. Memberikan khidmat nasihat, input dan panduan cadangan kemajuan yang berkaitan dengan lanskap dan taman;
 - c. Membentuk dan menguatkuasa peraturan, garis panduan, piawaian dan spesifikasi;
 - d. Mengurus pelaksanaan projek (termasuklah taksiran, tawaran, kontrak, pembinaan, pengawasan, perakuan dan pembayaran).
 - e. Menjalankan dan menyelaras penyelidikan lanskap, hortikultur, taman dan rekreasi;
 - f. Mempromosi pendidikan awam mengenai lanskap, taman dan rekreasi;
 - g. Memantau, memelihara dan mempertingkatkan keadaan kawasan lanskap, taman dan rekreasi;
 - h. Mengatur dan mengurus pengeluaran dan pembekalan taman dan bahan lanskap;
 - i. Menyediakan perkhidmatan bantuan logistik dan teknikal;
 - j. Membentuk dan melaksana dasar, strategi, pelan tindakan dan projek Rancangan Kemajuan Negara; dan
 - k. Menerbit Laporan Garis panduan dan Akta yang berkaitan dengan landskap, taman dan rekreasi.
2. Mengendalikan dan melaksanakan arahan dan tugas-tugas yang diberikan oleh Pegawai Atasan; dan
3. Mengetuai ke atas satu Bahagian dalam Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.